

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATUK ZAKARIA BIN MOHD. EDRIS @
TUBAU [LIBARAN]**

SOALAN

DATUK ZAKARIA BIN MOHD. EDRIS @ TUBAU minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan bagaimanakah Kementerian memperkasakan RMK-12 dengan pelaksanaan transformasi dan mengurangkan jurang pembangunan sosioekonomi antara Sabah, Sarawak dan Semenanjung demi kesejahteraan rakyat.

JAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat,

KPLB telah pun memulakan langkah dan strategi bagi memperkasa masyarakat luar bandar dengan merealisasikan pelaksanaan program/projek di bawah RMKe-12.

Antara usaha yang akan dilaksanakan bagi mengurangkan jurang pembangunan ekonomi antara negeri, antara wilayah serta antara bandar dan luar bandar ialah melalui pembangunan infrastruktur projek Jalan Luar Bandar (JALB)/ Jalan Perhubungan Desa (JPD), penyediaan bekalan air bersih, sambungan bekalan elektrik, pembinaan dan pembaikan rumah bagi rakyat miskin dan transformasi Pusat Internet Desa dan Pusat Komuniti Desa sebagai Pusat Digital Keluarga Malaysia.

Bagi tempoh RMKe-12 pula, KPLB mensasarkan untuk membina/menaiktaraf sepanjang 400-kilometer Jalan Perhubungan Desa di Wilayah Sabah. Di bawah *Rolling Plan 1* (RP1), RMKe-12 tahun 2021, sebanyak RM306.1 juta telah diperuntukkan bagi pembinaan jalan luar bandar (JALB) di Wilayah Sabah. Ini merangkumi 536 buah projek di seluruh Wilayah Sabah.

Manakala bagi Sarawak, di bawah *Rolling Plan 1*, (RP1) RMKe-12 Tahun 2021, sebanyak 16 projek baru dan 56 projek sambungan telah diluluskan bagi projek Jalan Luar Bandar (JALB) yang melibatkan peruntukan berjumlah RM191.70 juta.

Bagi Semenanjung Malaysia, projek pembinaan jalan luar bandar (JALB) yang telah diluluskan ialah pembinaan Jalan Luar Bandar dari Simpang FELCRA Ulu Kerut ke Kg Orang Asli Bot-Bot ke FELDA Jengka 7 ke Jalan Kilang Sawit Jengka 18 di Daerah Maran, Pahang dengan kos sebanyak RM135.3 juta.

SOALAN NO : 492

Kerajaan juga mensasarkan supaya akses kepada bekalan air bersih mencapai 98% dan bekalan elektrik mencapai 99% peratus. Oleh yang demikian, KPLB juga akan membantu Kerajaan Negeri mempercepatkan liputan dan merapatkan jurang bekalan air bersih ke kawasan luar bandar melalui penyambungan paip retikulasi dari paip-paip utama Pihak Berkuasa Air Negeri (PBAN) dan penyediaan bekalan air alternatif bagi kawasan yang jauh dari liputan terutamanya Wilayah Sabah dan Sarawak. Komitmen ini diteruskan di bawah RMKe-12, melalui 102 projek sambungan dan baharu dengan kos keseluruhan berjumlah RM4.2 bilion iaitu RM2.5 bilion untuk Wilayah Sabah dan RM1.7 bilion untuk Wilayah Sarawak.

Selain itu, di bawah RMKe-12, Kerajaan telah mensasarkan pembinaan dan pembaikan sebanyak 75 ribu unit rumah melalui Program Bantuan Rumah kepada golongan miskin dan miskin tegar kawasan luar bandar seluruh Malaysia melibatkan siling peruntukan sebanyak RM2.035 bilion bagi pelaksanaan sepanjang tempoh RMKe-12.

Bagi mempergiat aktiviti sosioekonomi setempat pula, projekprojek kecil luar bandar akan terus dilaksana seperti Program Ameniti Sosial dengan peruntukan sebanyak RM310 juta.

Bagi memastikan masyarakat luar bandar juga dapat menikmati kemudahan jalur lebar, Pusat Internet Desa dan Pusat Komuniti Desa akan ditransformasi sebagai Pusat Digital Keluarga Malaysia bagi memberi perkhidmatan yang lebih baik dan bersepadu. Penggunaannya juga akan diperluas untuk memberi kemudahan kepada penduduk setempat terlibat dalam e-dagang, latihan kemahiran, pembelajaran dan aktiviti masyarakat.